

## Nasional

# UMP Advanced tingkatkan kesedaran derma darah

Anjur program galak masyarakat sedia bekalan hadapi saat cemas

Oleh Astrol Awang  
bhnews@bh.com.my

### Cameron Highlands: UMP

Advanced dengan kerjasama Jabatan Perubatan Transfusi, Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh, Perak menganjurkan Program Kempen Menderma Darah di Cameron Fair Tanah Rata, di sini, Sabtu lalu.

Program berkenaan turut membabitkan beberapa agensi kerajaan antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Cameron Highlands.

Kempen derma darah itu diadakan sempena pengambilan peserta baharu Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER sesi 2021.

Kempen itu dilaksanakan bertujuan memberi kesedaran mengenai peranan individu dalam membantu menghadapi situasi kecemasan.

Menerusi Jabatan Perubatan Transfusi HRPB, ketika ini keperluan tabung darah amat tinggi

bagi menyelamatkan pesakit kes pembedahan, kemalangan, leukemia, barah, talasemia, komplikasi bersalin dan lain-lain.

Setiap tahun, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan 14 Jun sebagai Hari Derma Darah Sedunia.

Pengisytiharan itu bagi menggalak masyarakat menderma darah untuk menyelamatkan nyawa mereka yang memerlukan.

Sementara itu, di bawah inisiatif Majlis Pembangunan Wilayah Pantai Timur (ECERDC) menerusi UMP Advanced Education, beberapa kursus latihan kemahiran dan keusahawanan ditawarkan percuma kepada masyarakat setempat khusus golongan B40, ibu tunggal, asnaf serta pengangsur.

Pengangsuran program itu bertujuan memberi behaban mengenai pengambilan peserta baharu yang akan dilaksanakan di sini.

Program empower ECER menjurus ke arah pembangunan kemahiran dalam menjana pendapatan tambahan bagi menampung keperluan perbelanjaan



Anggota tentera turut serta pada Program Kempen Menderma Darah anjuran UMP Advanced dengan kerjasama Jabatan Perubatan Transfusi, Hospital Raja Permaisuri Bainun, di Cameron Highlands, baru-baru ini. (Foto lisan UMP)



yang semakin meningkat.

Ditambah dengan faktor COVID-19 yang memberi kesan hampir kepada seluruh masyarakat.

Menerusi program itu dapat melahirkan lebih ramai usahawan berdaya saing, terutama di daerah ini yang terkenal dengan destinasi pelancongan.

Setiap masyarakat di sini berpeluang menerima manfaat dan kelebihan daripada program empower ECER itu.

Permohonan penyertaan dibuka sejak Januari lalu dan tutup pada akhir bulan depan.

Tenaga pengajar adalah yang bertauliah dan berpengalaman. Peserta program akan dibimbing dan dipantau bagi memastikan mereka berjaya dalam bidang perniagaan diceburi.

Peserta bukan sahaja diberi latihan kemahiran, tetapi turut didedahkan dengan modul keusahawanan dan formalisasi dalam perniagaan.